

Contoh:

Salah	Betul
ibu-ibu bapa kain-kain baju pinggan-pinggan mangkuk	para ibu bapa/semua ibu bapa setiap kain baju/semua kain baju segala pinggan mangkuk/semua pinggan mangkuk



A. Pilih jawaban yang sesuai.

- Bilik itu panas kerana alat _____ rosak sejak semalam lagi dan belum dibaiki.
A pendingin hawa B penghawa dingin
- Abang akan menghadiri sesi _____ yang dijadualkan pada petang ini di ibu kota.
A temuduga B temu duga
- Saya hampir terlupa bahawa ada _____ dengan doktor gigi pada petang ini.
A janji temu B temu janji
- _____ yang digunakan dalam majlis itu kami beli dari Pulau Langkawi.
A Pinggan-pinggan mangkuk B Setiap pinggan mangkuk
- Pak Shukri menternak beberapa ekor _____ di belakang rumahnya.
A susu lembu B lembu susu
- Kami singgah di tepi jalan itu untuk membeli _____ yang rangup sekali.
A goreng pisang B pisang goreng
- Peniaga itu disaman oleh _____ kerana tidak menjaga kebersihan di gerainya.
A penguat kuasa B penguatkuasa
- Mesyuarat _____ itu diadakan untuk meningkatkan prestasi murid di daerah ini.
A guru besar-besar B guru-guru besar
- Emak sedang menyiapkan hidangan _____ untuk kami sekeluarga.
A tengahari B tengah hari
- _____ itu sering mengadakan jualan murah sempena kemerdekaan negara.
A Pasar raya B Pasaraya

B. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. _____ di ibu kota semakin lancar apabila kerajaan membina jalan bertingkat di beberapa persimpangan.
A Tanah air
B Pasar sehari
C Ruang legar
D Lalu lintas
2. Beberapa gelas _____ disediakan di meja makan untuk sarapan anak-anaknya sebelum mereka ke sekolah pada setiap pagi.
A lembu susu
B susu pekat
C susu lembu
D susu cair
3. Keadaan di kebanyakan _____ menjadi sesak apabila jualan murah diadakan dengan potongan harga yang sangat tinggi.
A pusat beli-belah
B pusat-pusat beli-belah
C pusat membeli-belah
D pusat-pusat membeli-belah
4. Kerajaan telah membina _____ di seluruh negara bagi menjamin kebajikan mereka terpelihara pada usia yang sudah lanjut.
A rumah orang-orang tua
B rumah orang tua-orang tua
C rumah orang tua-tua
D rumah-rumah orang tua
5. Kami dapat belajar dengan selesa kerana bilik darjah kami dipasang dengan _____.
A alat pendingin hawa
B alatan dingin hawa
C alat penghawa dingin
D peralatan mendingin hawa
6. _____ yang disediakan di dalam dewan peperiksaan itu semuanya tidak berfungsi kerana tiada bateri.
A Jam dinding
B Setiap jam dinding
C Jam-jam dinding
D Jam dinding-dinding
7. Emak menggunakan _____ sahaja untuk membuat kek yang enak itu.
A telur kuning
B telur-telur kuning
C kuning telur
D kuning-kuning telur
8. Pengerusi menangguhkan perbincangan tentang _____ kerana kesuntukan masa.
A hal lain-lain
B hal lain-hal lain
C lain-lain hal
D hal-hal lain